

TINJAUAN SECARA BERSISTEMATIK KAJIAN RASUAH DAN INTEGRITI DI MALAYSIA DARI TAHUN 2019 HINGGA 2023

Khadijah Muda

Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia

Email: khadijahmuda@usim.edu.my

Siti Nor Azhani Mohd Tohar

Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia

E-mail: azhanitohar@usim.edu.my

Kamal Azmi bin Abd. Rahman

Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia

E-mail: kamalazmi@usim.edu.my

Ros Aiza Mohd Mokhtar

Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia

E-mail: rosaiza@usim.edu.my

Siti Nor Baya Mat Yacob

Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia

E-mail: snorbaya@usim.edu.my

ABSTRAK

Rasuah dan integriti merupakan isu yang mampu menggugat pembangunan negara dan tidak boleh dipandang ringan. Kajian mengenai isu rasuah dan integriti perlu dijalankan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang bahaya dan kesan rasuah. Tujuan artikel ini adalah untuk menelusuri kajian berkaitan rasuah dan integriti dari tahun 2019 hingga 2023 secara bersistematik. Kaedah yang digunakan adalah pendekatan kualitatif, melalui tinjauan secara bersistematik. Pengkalan data yang digunakan adalah pengkalan data myjournal. Hasil kajian mendapati, artikel-artikel ini banyak membincangkan tentang pemahaman terhadap rasuah dan integriti, punca-punca dan faktor berlakunya rasuah dan integriti serta isu-isu yang melibatkan rasuah dan integriti. Maka, sewajarnya kajian-kajian seperti ini dijalankan dan terus didedahkan kepada masyarakat awam untuk memberi kesedaran bahawa bahayanya rasuah dan sikap tidak berintegriti.

Kata Kunci : Rasuah, integriti, tinjauan secara sistematik;

1. Pengenalan

Dalam Al-Quran, surah al-Baqarah ayat 188, Allah SWT berfirman yang maksudnya: “Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).” Hadis nabi riwayat Ibnu Majah (2313) juga menegaskan dengan maksudnya “Laknat Allah kepada pemberi rasuah dan penerima rasuah.” Al-Quran dan hadis jelas melarang perbuatan rasuah, dan Allah SWT melaknat perbuatan tersebut. Rasuah dan integriti merupakan perkara penting yang perlu dibincangkan untuk pembinaan tamadun bangsa dan negara. Masyarakat yang berintegriti akan memacu kepada negara yang berperadaban tinggi. Dengan isu berkaitan integriti dan rasuah, negara akan mundur dan dipandang rendah oleh masyarakat luar. Ini menyebabkan pelabur asing tidak berani melabur di negara ini. Kesannya permintaan terhadap ringgit Malaysia rendah, dan matawang negara tidak kukuh berbanding wang dolar Amerika Syarikat. Bagi melahirkan masyarakat yang berintegriti tinggi dan bebas rasuah ke arah bangsa berperadaban tinggi, perbincangan akademik berkaitan perkara ini perlu dipandang serius. Penulisan artikel ini akan

menyumbang kepada masyarakat tentang definisi, faktor-faktor berlakunya rasuah dan integriti di Malaysia serta tinjauan kajian-kajian lepas berkaitan rasuah dan integriti.

2. Metodologi

Kajian-kajian berkaitan rasuah dan integriti telah dijalankan oleh pelbagai penyelidik dalam pelbagai topik. Melalui pangkalan data jurnal Malaysia, dengan carian “rasuah” sebanyak 20 artikel ditemui. Manakala carian “integriti” sebanyak 68 artikel diperolehi. Ini menunjukkan banyak kajian berkaitan rasuah dan integriti telah dijalankan di Malaysia. Walau bagaimanapun artikel-artikel ini juga mewakili kajian berkaitan integriti dari sudut pelbagai bidang dengan istilah yang sama tetapi berbeza maksud. Kajian ini akan memfokuskan kepada kajian lepas lima (5) tahun ke belakang yang berkaitan rasuah dan integriti yang berlaku di Malaysia. Setelah ditapis sesuai dengan objektif kajian dengan kriteria seperti dokumen dihadkan hanya artikel jurnal, akses terbuka, bidang sains sosial dan kemanusiaan, tahun 2019 hingga 2023, dengan carian “integriti OR integrity OR rasuah OR corruption AND Malaysia”, maka artikel yang diperolehi hanya 21 artikel dari myJurnal.

3. Perbincangan

3.1 Pemahaman dan sikap terhadap integriti

Kajian yang dijalankan oleh Nur Hafizah (2019) menunjukkan separuh dari responden yang terdiri daripada pelajar UKM tidak faham perbuatan integriti dalam kalangan pelajar. Mereka menganggap perbuatan seperti meniru, plagiat, tandatangan kehadiran kawan yang tidak hadir, tidak membuat rujukan bagi bahan yang diambil adalah bukan kesalahan. Pada tahun 2021, Nur Hafizah dan Nurul Atikah turut menjalankan kajian berkaitan integriti, hasilnya menunjukkan belia yang terdiri daripada 76 orang mahasiswa tahun akhir di pengajian tinggi swasta di Bangi mempunyai pengetahuan dan sikap yang tinggi terhadap integriti. Reaksi mereka terhadap pengetahuan salah laku integriti secara umum dan salah laku penyalahgunaan kuasa adalah rata-ratanya tinggi. Namun, pantauan dari segi didikan dan undang-undang perlu sentiasa ada agar golongan belia tidak hanyut dengan nafsu yang ada dalam diri. Begitu juga dengan kajian integriti guru dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah yang dijalankan oleh Ashma Said dan rakan-rakan (2022). Kajian ini juga menunjukkan tahap integriti dalam melaksanakan mentaksiran bilik darjah yang tinggi oleh responden yang terdiri daripada 103 orang guru sekolah rendah di Tuaran, Sabah. Kajian berkaitan kefahaman kakitangan jabatan imegresen negeri Kedah juga menunjukkan tahap kefahaman yang tinggi mengenai konsep integriti (Anuar Putih et.al, 2021). Responden kajian terdiri daripada 167 orang kakitangan yang beragama Islam. Soalan yang diajukan hanyalah berkenaan maksud dan definisi integriti. Kajian yang dijalankan terhadap 656 orang penguatkuasa Agensi Kawalan Sempadan Malaysia mendapati 645 orang responden mempunyai tahap integriti yang tinggi, 10 orang di tahap sederhana, dan seorang tidak diterima (Sheikh Muhamed Nursyakirin, Siti Asroh & Salleh, 2021). 10 orang di tahap sederhana ini walaupun jumlahnya kecil, namun tetap memberi ancaman jika terjebak dengan isu integriti. Penguatkuasa agensi kawalan sempadan Malaysia terdiri daripada tiga gabungan agensi induk iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Imigresen Malaysia.

3.2 Isu berkaitan rasuah dan integriti

Banyak kajian yang melibatkan isu rasuah dan integriti telah dijalankan. Antaranya kajian yang telah dijalankan oleh Wan Shawaluddin, Amrullah & Ramli (2020). Kajian ini memfokuskan kepada isu penyeludupan dadah, pengganas, pemerdagangan manusia dan pendatang tanpa izin di Pulau Sebatik, Malaysia. Penulisan artikel ini mengatakan mereka tiada bukti tentang rasuah yang berlaku, namun insiden yang didakwa ada unsur rasuah sering berlaku di kawasan berkenaan melibatkan penjawat awam. Pengalaman penyelidik sendiri berdepan keadaan yang berunsurkan integriti ini semasa

mereka sedang menjalankan kajian lapangan ini iaitu bot milik agensi keselamatan kehabisan minyak ketika operasi kerana minyak dijual oleh anak kapal/bot keselamatan berkenaan kepada pihak lain. Seterusnya kajian kes terhadap anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) di kontinjen Selangor berkaitan isu faktor pelanggaran integriti organisasi (Zam Zam & Nik Ahmad Sufian, 2023). Faktor pelanggaran integriti dalam anggota polis bagi kajian ini adalah disebabkan sikap individu itu sendiri yang kurang disiplin dalam agama dan kerja, masalah keluarga, gaji yang tidak setimpal, pengaruh rakan sebaya, tiada motivasi kerja, hutang yang tinggi dan kurang komitmen kerja. Pemantauan dan teguran perlu dilakukan untuk menambahbaik integriti dalam kalangan anggota polis. Ang Chai Tin dan Mohamad Munir (2020) pula menjalankan kajian berkaitan kejujuran akademik pelatih Institut Pendidikan Guru, kampus Perlis tentang amalan plagiat. Hasilnya menunjukkan masalah plagiarisme yang berlaku di tahap yang sederhana. Walaupun di tahap sederhana, namun fenomena ini agak membimbangkan kerana pelatih tidak memahami konsep sebenar plagiarisme. Sebagai contoh mereka menganggap parafrasa pada ayat yang digunakan oleh penulis lain adalah sebagai ayat sendiri tanpa perlu ada rujukan. Program dan maklumat berkaitan plagiarisme perlu diperkasakan lagi agar guru pelatih faham tentang plagiarisme yang merupakan tingkahlaku tidak berintegriti. Guru pelatih adalah bakal guru yang akan menjadi model ikutan pelajar-pelajar. Maka seharusnya mereka memahami sepenuhnya tentang integriti dan plagiarisme.

3.3 Faktor-faktor berlakunya rasuah

Kajian berkaitan faktor-faktor berlakunya rasuah juga telah dijalankan. Azman dan rakan-rakan (2022) menyatakan terdapat faktor luaran dan dalaman yang menyebabkan berlakunya rasuah. Faktor luaran adalah disebabkan oleh gaji yang rendah, tekanan kewangan dan tekanan kerja serta dasar negara yang kurang efektif. Faktor dalaman pula adalah disebabkan oleh wujudnya peluang, kelemahan peribadi dan tidak berintegriti. Daripada kajian ini juga wujud cabaran dalam menangani rasuah, iaitu penggunaan teknologi oleh perasuah untuk mengesan tindakan mereka, kurang kerjasama dari ahli politik dan kurang keyakinan dan sokongan orang awam. Kajian lain yang dilakukan oleh Enida (2019) pula menyatakan faktor-faktor dalaman yang mempengaruhi pelaku terlibat dengan rasuah adalah sikap tidak mementingkan nilai dan tuntutan agama, pentingkan diri, inginkan gaya hidup mewah melebihi kemampuan dan tamak. Sikap yang mendorong kepada rasuah ini dapat dielakkan dengan cadangan penyelidikan melalui pelaksanaan lapan prinsip etika kerja Islam iaitu Taqwa, Ihsan, Masuliyah, al-Qist, Amal Saleh, al-Birr, Ma'ruf dan Itqan. Nazirah (2021) pula mendapati faktor utama rasuah dalam kalangan polis adalah rasionalisasi, kepimpinan, pemantauan, aduan, birokrasi, latihan, desakan luaran, peluang, ganjaran dan akauntabiliti. Beliau memperolehi dapatan ini hasil dari tinjauan kajian dari tahun 2018 hingga 2021.

3.4 Ciri-ciri integriti dan ukurannya

Kebijaksanaan Bendahara Tun Perak dalam membentuk model kepimpinan berintegriti dapat dilihat melalui lapan elemen ini, iaitu nasihat, pegangan kepada agama Islam, membina diri dan kepribadian dengan adat budaya, melaksanakan tugas dan pekerjaan berasaskan perancangan teliti, melihat ke hadapan dengan dipandu sejarah di belakang, berhemah dan berhati-hati dalam tutur kata, memberi nasihat, dan mendahulukan kepentingan agama dan negara lebih tinggi daripada kepentingan diri (A. Halim & Abdul Malik, 2021). Musmuliadi dan rakan-rakan (2021) menyenaraikan nilai-nilai yang patut ada bagi individu yang terlibat dengan pengurusan projek di tempat pembinaan adalah nilai amanah, nilai adil, nilai ihsan, nilai syura', dan nilai semangat berpasukan. Nilai-nilai ini diutarakan menurut mereka kerana pelaku-pelaku yang menguruskan projek di tapak pembinaan sering dikaitkan dengan rasuah. Pengukuhan nilai integriti dapat dilakukan melalui kawalan sosial tidak formal, yang terdiri daripada dimensi keterikatan, kepercayaan, keterlibatan dan komitmen (Mohd Sufiean, Maizatul Haizan & Mohd. Helmi, 2018). Amalan integriti dalam kajian Mohd Sufiean dan rakan-rakan (2021) yang merujuk kepada penyertaan politik dalam media sosial mengukur menggunakan

konstruk mahir media, sumber sahih, penciptaan moral dan tindakan etika. Ukuran integriti ini turut disahkan melalui kajian Fazurah Mustaffa dan rakan-rakan (2022).

3.5 Cadangan dan keberkesanan program integriti

Kajian yang dijalankan oleh Norashikin dan rakan-rakan (2021) menyatakan bahawa Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah mengukuhkan integriti ahli PDRM melalui penubuhan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard, pelaksanaan Pelan Integriti PDRM dan penerapan Modul Integriti Agensi Penguatkuasaan dalam modul latihan PDRM. Hasil dapatan menunjukkan pelaksanaan modul ini menjadi pengaruh utama amalan integriti mereka dan turut dipengaruhi oleh persekitaran tempat kerja dan keluarga.

4. Kesimpulan

Telah banyak kajian berkaitan rasuah dan integriti dijalankan, namun masih banyak yang diperlukan untuk memperkasakan lagi ilmu berkaitan integriti dan anti rasuah dalam dunia akademik dan penyelidikan. Kajian-kajian berkaitan isu semasa melibatkan rasuah dan integriti perlu diperbanyakkan lagi untuk memberi pengetahuan dan pemahaman kepada masyarakat, agar integriti menjadi amalan dalam kehidupan seharian.

5. Penghargaan

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan di bawah dana Geran Penyelidikan USIM. Tajuk penyelidikan: Kajian Awal Pembinaan Model Integriti dan Anti Rasuah Ahli Politik (M-Integriti) Berasaskan Aqli dan Naqli. Kod projek: PPPI/USIM/FKP/USIM/111323

6. Rujukan

Al-Quran.

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. (2009).

<https://www.sprm.gov.my/admin/files/sprm/assets/pdf/penguatkuasaan/akta-694-bm.pdf>

Ang Chai Tin & Mohamad Munir Ismail. (2020). Kejujuran Akademik Guru Pelatih: Satu Norma?. *Jurnal IPDA Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman*, 27(1), 70-77.

Anuar Puteh, Nor Akrimi Mohd Ali & Abdul Ghafar Don. (2021). Kefahaman Kakitangan Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Kedah Terhadap Konsep Integriti. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(2), 182-191.

Ashma Said, Darayani Johari, Noor Marina Yunus & Nurhidayah Mat Husin. (2022). Tahap Pemahaman dan Integriti Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah di Sekolah Rendah. *Jurnal pendidikan bahasa Melayu*, 12(2), 118-124.

Azman Ab Rahman, Nur Wahida Lokman, Lutfi Mohamed Zain, Syed Mohd Najib Syed Omar & Setiyawan Gunardi. (2022). Analisis Faktor-Faktor Gejala Rasuah Dan Cabaran Menanganinya Di Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and law*, 10(1), 90-97.

Enida Daud. (2019). Faktor-Faktor Dalaman Yang Mempengaruhi Niat Individu Untuk Mengamalkan Rasuah Di Kalangan Penjawat Awam Pihak Berkuasa Tempatan. *Jurnal Kemanusiaan*, 7(2), 6-19.

Fazurah Mustaffa, Mohd Sufiean Hassan, Maizatul Haizan Mahbob, Siti Nurshahidah Sah Allam, Fatimah Yazmin Haji Yahya & Muhammad Khalil Tarmizi Abdul Suko. (2022). Analisis Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Integriti Penyertaan Politik. *Jurnal Ilmi*, 12, 203 - 218.

- Halim Ali & Abdul Malik. (2021). Ciri-ciri Bijaksana Bendahara Tun Perak dalam Pembentukan Model Kepimpinan Berintegriti. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 26-39. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.3.2021>
- Ibn Majh, Abu Abdillah Muhammad ibn Yazid. (n.d). *Sunan Ibn Majh*. Dar Ihya al-Kutub al-‘Arabiyya.
- Institut Integriti Malaysia. (2006). *Glosari Integriti: Bahasa Inggeris-huraian-bahasa Melayu, nahasa Melayu-bahasa Inggeris*. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia.
- Kerajaan Malaysia (2009). *Akta Suruhanjaya Pencegahan rasuah Malayisa 2009*. Percetakan Nasional Berhad, Kuala Lumpur
- Mohamad Tarmize (2014). *Nota Pencegahan rasuah*. Penerbit Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Putrajaya
- Mohd Sufiean Hassan, Maizatul Haizan Mahbob & Mohd. Helmi Abd. Rahim. (2018). Skala Psikometrik: Perspektif Kawalan Sosial Tidak Formal dan Pengukuhan Nilai Integriti Golongan Muda. *Jurnal Komunikasi*, 34(4), 232-249.
- Mohd Sufiean Hassan, Siti Nurshahidah Sah Allam, Abd. Aziz A’zmi & Rizky Hafiz Chaniago. (2021). Skala Amalan Integriti Penyertaan Politik: Kesahan dan Psikometrik. *Journal of Social Sciences and Humanities, Special Issue: 18(7)*, 259-281.
- Musmuliadi Kamaruding, Siti Hamidah Abdull Rahman, Syahrin Neizam Mohd Dzulkifli & Rosni Abdul Rani @ Ibrahim. (2020). Nilai-nilai Islam untuk pelaku pengurusan projek di industri pembinaan: Suatu tinjaun awal. *Malaysian Journal for Islamic Studies* 5(1), 14-26.
- Nazirah Hassan. (2021). Rasuah Dalam Penguatkuasaan Undang-Undang Di Asia Tenggara: Satu Tinjauan Skop. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 18(8), 196-212.
- Norashikin Ahmad, Sity Daud and Anis Yusal Yusoff. (2021). Keberkesanan latihan asas kepolisan kadet inspektor terhadap amalan integriti dalam kalangan pegawai kanan polis. *Kajian Malaysia*, 39(2), 233–266. <https://doi.org/10.21315/km2021.39.2.10>
- Nur Hafizah. (2019). Integriti akademik dalam kalangan mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 179-190.
- Nur Hafizah Yusoff & Nurul Atikah Zulkepli. (2021). Reaksi Belia Terhadap Integriti dan Pelanggaran Integriti. *International Journal of Social Policy and Society*, 17(1), 56-75.
- Sheikh Muhamed Nursyakirin Sheik Muhamed Amin, Siti Asroh Mohamad & Salleh Mohd Nor. (2021). Personaliti dan Integriti dalam Kalangan Penguatkuasa Agensi Kawalan Sempadan Malaysia. *Jurnal Psikologi Keselamatan*, 3, 166-182.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan, Amrullah Maraining & Ramli Dollah. (2020). Isu Penyeludupan Di Pulau Sebatik, Malaysia. *Jurnal Kinabalu*, 26(2), 355-380.
- Zam Zam Yunus & Nik Ahmad Sufian Burhan. (2023). Faktor Pelanggaran Integriti Organisasi: Kajian Kes Terhadap Anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Kontinjen Selangor. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 20(2), 295-309.